

PROSEAT 2010 sasar golongan pelajar dan belia Universiti ke pedalaman

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
bustymessy@gmail.com

KUDAT: Bertemakan 'universiti ke pedalaman', Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Kelab Hubungan Industri baru-baru ini menjalankan Program PROSEAT 2010 dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Negeri Sabah.

Program serampang tiga mata ini merupakan satu gagasan dan keprihatinan pensyarah dan mahasiswa tahun akhir Program Hubungan Industri terhadap isu tentang akademik dan kemasyarakatan.

Ketua Program Hubungan Industri, Fazli Abd Hamid berkata program itu bertujuan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti motivasi serta memberi pendedahan kepada para pelajar sekolah untuk memasuki universiti.

Menurutnya, program selama empat hari ini melibatkan seramai 216 pelajar dari tingkatan tiga, lima dan enam Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pinawantai Matunggong dekat sini dan seramai 69 pelajar tahun akhir program berkenaan turut terlibat sama.

Beliau menjelaskan kolaborasi dengan pihak kementerian itu juga memberi ruang kepada para pelajar dan belia di kawasan sekitar untuk mendaftar secara 'online' di Sabah Job Centre.

"Sepanjang program



RASMI ... Fazli (dua kanan) menyampaikan cenderahati kepada Sarapin semasa merasmikan majlis penutupan program berkenaan.

“ Sepanjang program ini, beberapa siri ceramah berkaitan dengan pekerjaan dan hak pekerja, perancangan pembangunan kerjaya dan kaunter khidmat nasihat pekerjaan bagi belia bermasalah dengan pekerjaan dilaksanakan.”

FAZLI ABD HAMID,
Ketua Program Hubungan Industri UMS

ini, beberapa siri ceramah berkaitan dengan pekerjaan dan hak pekerja, perancangan pembangunan kerjaya dan kaunter khidmat nasihat pekerjaan bagi belia bermasalah dengan pekerjaan dilaksanakan,” katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Fazli berkata pemilihan Kudat sebagai fokus program

itu kerana kebanyakannya pekerja Sabah yang bekerja di luar negeri ini dan menghadapi masalah penipuan oleh pihak agensi merupakan mereka yang datang dari daerah berkenaan.

Justeru katanya, bagi mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap hak-hak pekerjaan,

ia haruslah dimulakan dari sekolah.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Matunggong, Sarapin Magana ketika merasmikan majlis penutupan program berkenaan memuji usaha dan dedikasi pihak UMS dalam menganjurkan program seperti itu.

Beliau turut menegaskan masyarakat perlu faham dan sedar tentang isu pekerjaan memandangkan masalah penipuan yang melibatkan agensi pekerjaan semakin berleluasa.

“ Masyarakat terutamanya para pelajar dan belia sepatutnya sedar dan prihatin terhadap hak dan kepentingan mereka,” katanya.